



Majlis Daerah Hulu Selangor

Buletin MDHS

www.mdhs.gov.my

Edisi: 1 / 2010



Sidang Redaksi

Penaung:

Tuan Tukiman B. Nail

Penasihat:

En. Azman B. Dahlan

Ketua Pengarang:

Puan Junainah Bt. Abdullah

Pengarang:

Puan Azlida Bt. Mohd Ali

En. Aizul Azrin B. Mohd Badri

En. Nurazhar B. Muhamad Jaini

En. Mohd Yusof B. Saidina Abu Bakar

Penolong Pengarang:

Pn. Noorazreen Bt. Anuar

Pn. Norhidaya Bt. Abdul Halim

Pn. Mahfuzah Bt. Mohamad

Jurufoto:

En. Ahmad Shazwi Izam B. Abu Bakar

En. Ahmad Azhar B. Rosli

En. Mohd Shaiful Nizam B. Mohd Said

Diterbitkan Oleh:

Unit Aduan, Perhubungan Awam Dan Korporat

Majlis Daerah Hulu Selangor

Jalan Bukit Kerajaan

44000 Kuala Kubu Bharu

Penerbitan ini khusus untuk bacaan umum dan edaran secara percuma kepada jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara

MDHS mengalu-alukan orang ramai untuk menyumbang idea, maklumat dan info untuk dimuatkan dalam edisi seterusnya dan boleh disalurkan kepada pihak penerbit

Segala tulisan, foto dalam bulletin ini adalah hak milik MDHS dan penyiaran tanpa kebenaran MDHS adalah dilarang. Penyiaran semula perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Promosi Pelancongan Masum 2010



Bertempat di SACC Convec Shah Alam, Selangor, Pada 15-17 Januari 2010, Majlis Daerah Hulu Selangor telah menyertai Promosi Pelancongan MASUM 2010 yang dianjurkan oleh Tourism Selangor Berhad yang bertujuan mempromosikan kawasan-kawasan produk-produk pelancongan dan menawarkan pakej-pakej pelancongan yang terdapat di Hulu Selangor. Umum masih ramai yang belum mengetahui bahawa Hulu Selangor adalah antara Daerah yang kaya dengan keindahan dan kehijauan alam sekitar yang masih lagi terpelihara. Disamping itu terdapat tinggalan sejarah dan kisah disebalik kewujudan daerah ini. Antara aktiviti yang turut dijalankan adalah pameran kawasan pelancongan, jualan produk makanan dan buahan tempatan.



Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Organisasi PEBT



Seramai 30 orang peserta dari kalangan Penggerak Belia Tempatan Daerah Hulu Selangor telah turut sama menyertai Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi yang telah diadakan pada 14-17 Januari 2010 di Pulau Langkawi, Kedah. Menerusi program 4 hari ini peserta didedahkan dengan strategi pengurusan sesebuah organisasi dan ciri-ciri serta peranan seorang pemimpin. Peserta turut didedahkan bagaimana seorang pemimpin dapat menggerakkan organisasi dengan kerja berpasukan. Adalah diharap melalui kursus ini peserta dapat menerapkan dalam menggerakkan fungsi PeBT dengan lebih komited dalam menyumbang kepada pembangunan belia di Daerah Hulu Selangor. Hubungan yang erat dan semangat kerjasama yang kuat, dapat melancarkan lagi perancangan program dan penganjuran program di Hulu Selangor. Pihak Majlis Daerah Hulu Selangor telah melantik Syarikat Come Close Training Enterprise sebagai pengurus acara dan penyedia latihan semasa program tersebut.



Mendaki Gunung Brinchang, Cameron Highlands, Pahang

Pada 16-17 Januari 2010 seramai lebih kurang 33 orang peserta telah mengikuti program Pendakian Gunung Brinchang yang mempunyai ketinggian 6,666 kaki dari aras laut. Program ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Majlis Daerah Cameron Highlands. Cabaran utama dalam pendakian ini adalah apabila peserta terpaksa mendaki dalam cuaca yang agak sejuk sehingga 16°C.



Hari Bertemu Pelanggan Mdhs

Hari Bertemu Pelanggan dijalankan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor secara rutin setiap bulan pada Jumaat minggu terakhir setiap bulan diadakan di perkarangan pejabat MDHS. Pada hari ini semua kaunter perkhidmatan dan pembayaran dibuka kepada semua pelanggan. Pelanggan juga boleh membuat aduan atau mengemukakan sebarang cadangan dan pertanyaan secara terus kepada jabatan-jabatan berkaitan mengenai perkhidmatan yang diberikan. Melalui cara ini, ia mampu memberikan kepuasan hati kepada pelanggan dalam usaha menyelesaikan aduan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.



Konvoi Amal Bermotor

Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Hulu Selangor sekali lagi menganjurkan program Konvoi Amal Bermotor dengan penyertaan seramai 56 orang peserta. Laluan kali ini adalah Kuala Kubu Bharu- Seberang Perai-Kuala Kubu Bharu. Program ini mendapat kerjasama daripada PESUKA MPSP yang mana telah bermurah hati menyediakan makan malam kepada peserta konvoi. Dari segi keselamatan dan kelancaran perjalanan, konvoi ini mendapat kerjasama dari pihak Polis Bukit Aman dan polis trafik disetiap sempadan daerah. Program ini amat bermakna kepada peserta kerana selain dapat menguji ketahanan fizikal dan mental, ianya juga dapat mengeratkan silaturrahim diantara peserta dan PESUKA MPSP. Jalinan kerjasama ini diharap dapat diteruskan bagi program-program yang akan datang.



Bengkel Asas Kayak

Majlis Daerah Hulu Selangor melalui Jabatan Belia dan Kemasyarakatan telah menganjurkan Bengkel Asas Berkayak yang telah diadakan pada 6 Februari 2010 bertempat di Kem Bina Semangat Kuala Kubu Bharu. Seramai 40 orang telah turut serta dalam bengkel yang julung-julung kali diadakan ini. Melalui bengkel ini peserta didedahkan dengan teknik-tenik asas kayak.



Perasmian Galeri Seni Dan Sastera Daerah Hulu Selangor


Galeri Seni dan Sastera Daerah Hulu Selangor telah ditubuhkan pada tahun 2007 di bawah naungan Majlis Daerah hulu Selangor manakala kegiatan kesenian dan kesasteraan diisi oleh Persatuan Seni Dan sastera Malaysia (SESAMA). Perkongsian Pintar antara PBT dan NGO ini mewujudkan situasi menang-menang di mana aktiviti social dikongsi bersama dan saling lengkap melengkap dan member faedah keapada rakyat. Galeri ini telah dirasmikan pada 14 Februari 2010 oleh YB. Rodziah Ismail, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi.



Majlis Rumah Terbuka Gong Xi Fa Cai



Sempena sambutan Tahun Baru Cina, Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama PeBT dan JKKK Kampung Asam Kumbang, Kuala Kubu Bharu telah mengadakan Majlis Rumah Terbuka Gong Xi Fa Cai pada 18 Februari 2010. Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan NorHisham Dahlan, Yang DiPertua MDHS, Tuan Tukiman Nail, Ahli-Ahli Majlis, serta penduduk penduduk sekitar. Selain dari gerai-gerai makanan, majlis turut dimeriahkan dengan persembahan tarian naga, Pemberian Ang Pau kepada warga emas, dan persembahan kebudayaan daripada Jawatankuasa Penduduk sekitar.



Perarakan Sempena Maulidur Rasul

Sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor pada 26 Februari 2010, Majlis Daerah Hulu Selangor turut serta dalam perarakan yang dianjurkan oleh kerajaan Negeri Selangor. Dengan tema sambutan pada tahun ini "Memantap Ukhluwwah Memperkasa Ummah" seramai lebih kurang 40 peserta telah mengambil bahagian. Perarakan ini juga disertai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan agensi di negeri Selangor. Jika diimbang kembali sejarah Rasullah SAW, banyak pengorbanan dan perjuangan yang telah baginda lakukan. Sehingga agama Islam telah mencapai kegemilangan dan kejayaannya.



Sukan Dalaman MDHS

Sepanjang bulan Mac 2010 , Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengadakan Karnival Sukan Kakitangan MDHS yang melibatkan beberapa acara dipertandingkan seperti, bola tampar, bolasepak, bolajaring, badminton,futsal, ping pong, sepaktakraw, basikal, bowling, karom, dam aji, catur. Setiap acara yang dipertandingkan meliputi kategori lelaki dan wanita. Melalui sukan ini selain mempamerkan kehebatan masing-masing dalam acara yang disertai, peserta juga dapat memupuk sifat kerjasama dan setia kawan.



PELEPASAN LE' TOUR DE' LANGKAWI

Peringkat Ke-7

Berlangsung pada 7 Mac 2010, Majlis Daerah Hulu Selangor sekali lagi dipilih bagi menjadi "host venue" bagi acara pelepasan Le Tour de Langkawi bagi peringkat ke-7 yang diadakan di Jalan Dato' Muda Ja'afar berhadapan Pasar Awam Kuala Kubu Bharu. Seawal pagi jalan-jalan sekitar pekan Kuala Kubu Bharu telah ditutup bagi memberi laluan kepada pelumba-pelumba yang bertanding berlepas. Kuala Kubu dibanjiri dengan orang awam dan penduduk sekitar yang turut serta memberi sikongan kepada pasukan dan pelumba pilihan mereka. Ramai yang tidak melepaskan peluang bagi bertemu dan bergambar dengan pelumba kegemaran mereka tidak terkecuali dari Skuad Pelumba Negara dan ikon terkenal Raja Pecut Negara Anuar Manan. Turut memeriahkan acara, persesembahan tarian kebudayaan dan persembahan basikal oleh penduduk tempatan.



Pelancaran Sambutan 80 Tahun Bandar Kuala Kubu Bharu



Bandar Kuala Kubu Bharu secara rasminya telah menyambut 80 tahun pada tahun 2010. Majlis Pelancaran sambutan 80 Tahun Bandar Kuala Kubu Bharu telah diadakan pada 7 Mac 2010 serentak dengan Pelepasan LTDL 2010 peringkat ke -7 yang juga diadakan di Bandar Kuala Kubu Bharu. Pada majlis ini pelbagai acara lain turut diadakan seperti pertandingan melukis dan mewarna kategori kanak-kanak dan dewasa, pertandingan fotografi, persempahan tarian, persempahan kebudayaan, senam tari, persempahan kugiran, gerai-gerai jualan dan juga penyerahan permohonan bagi Bandar Kuala Kubu Bharu disenaraikan sebagai Bandar Warisan Negara. Dari sudut sejarah Bandar ini memainkan peranan penting sebagai kawasan pertahanan Raja Mahdi dan Syed Mashor ketika perang saudara Selangor pada tahun 1870-1873. Bandar Kuala Kubu juga merupakan Bandar Dalam Taman Pertama di Negara. Banyak lagi sejarah dan pengisian tentang Kuala Kubu Bharu ini belum terungkap dan terjawap dan melalui sambutan 80 tahun ini pelbagai acara lain akan diadakan bagi mendapatkan banyak lagi maklumat dan mengenai keunikan Bandar ini seterusnya mengetengahkan Bandar ini sebagai Bandar Warisan Negara.



Majlis Sessi Dialog Bersama Pemilik, Penyewa Dan Ejen Pengurusan Di Kawasan Perniagaan Jalan Kemboja, Bukit Sentosa

Pada 28 Mac 2010, Unit Pesuruhjaya Bangunan MDHS

telah mengadakan satu sesi majlis dialog berkenaan permasalahan di kawasan Perniagaan Jalan Kemboja, Bukit Sentosa. Majlis ini telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Tukiman Bin Nail bagi membincangkan permasalahan yang dibangkitkan oleh pemilik dan penyewa. Dengan kehadiran lebih daripada 60 orang termasuk pemilik dan penyewa, majlis tersebut telah mendapat respon yang baik daripada pihak yang terbabit. Pada dasarnya, pemilik bersetuju untuk membenarkan penyewa menggunakan premis dengan atas urusan perniagaan kormesial. Perbincangan selanjutnya akan ditentukan pada satu tarikh yang akan ditetapkan.



Perasmian Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan Apartment Mawar, Taman Bunga Raya.

Pada 15 April 2010, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan Negeri Selangor serta Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah mengadakan majlis perasmian pelancaran di Apartment Mawar. Kakitangan dari Unit Pesuruhjaya Bangunan MDHS telah memainkan peranan yang penting dalam menjadi urusetia dalam menjayakan perasmian tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim bagi merasmikan Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan di Apartmen Mawar. Secara kasarnya, program ini telah mendapat sambutan yang baik daripada penduduk di sekitar kawasan tersebut. Malahan, program ini turut mendapat perhatian daripada penduduk di apartmen yang berlainan. Dengan adanya Pusat Sehenti Ilmu Pengetahuan ini, Penduduk di kawasan apartment tersebut boleh mendapatkan maklumat – maklumat seterusnya membantu pelajar – pelajar dalam proses pembelajaran.



Program Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni Bukit Beruntung, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Pada 24 April 2010, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan Negeri Selangor telah mengadakan program Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni. **Kakitangan** dari **Unit Pesuruhjaya Bangunan MDHS** telah memainkan peranan yang penting dalam menjadi urusetia dalam **menjayakan** program tersebut. Majlis yang telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Tuan Iskandar Bin Abdul Samad ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan galakkan kepada penduduk di kawasan pangsapuri tersebut. Dengan bertemakan Bersih, Ceria Dan Harmoni amatlah bersesuaian dengan amalan membersihkan kawasan pangsapuri supaya dapat mencetuskan suasana yang ceria dan seterusnya menerapkan nilai – nilai yang harmoni bagi mewujudkan satu



Dialog Bersama Pemimpin

Bertempat di Dewan Dato' Abdul Hamid Batang Kali, satu majlis Dialog Bersama Pemimpin telah diadakan pada 10 April 2010. Dialog ini melibatkan ketua-ketua jabatan MDHS dan ketua jabatan daerah yang turut dijemput bersama dengan Jawatankuasa Penduduk (JKP). Sesi dialog ini dipengerusikan oleh YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan. Sepanjang sesi dialog diadakan pelbagai persoalan dan permohonan diajukan oleh wakil-wakil jawatankuasa penduduk.



Majlis Penyerahan Sijil - Sijil JMB Kepada 17 Kawasan di Apartment Kenanga, Taman Bunga Raya.

Pada 10 April 2010, Unit Pesuruhjaya Bangunan MDHS telah mengadakan satu majlis penyerahan sijil – sijil JMB kepada 17 kawasan pemajuan di Apartment Kenanga, Taman Bunga Raya. Program tersebut telah dihadiri oleh Yang Dipertua Tuan Haji Tukiman Bin Nail dan Ahli- Ahli majlis serta kehadiran Yang Berhormat Tuan Iskandar Bin Abdul Samad telah menyerikan lagi program tersebut. pada malam itu, Yang Berhormat Tuan Iskandar Bin Abdul Samad juga berbesar hati untuk penyerahan sijil – sijil JMB.



Karnival Penggerak Hulu Selangor

Bertempat di Dewan JKKK Cina kampong Chuang, Rasa, Selangor telah dijalankan pada 9-11 April 2010 oleh ahli-ahli dan jawatankuasa PeBT dengan kerjasama JKKKC kampong Chuang. Antara aktiviti yang dijalankan adalah, gotong royong baikpulih dewan, pertandingan mewarna, Basketball 3 on 3, Street Soccer. Program ini mendapat sambutan daripada golongan belia kawasan sekitar terutama pelajar-pelajar sekolah.



Perasmian Unit Pelaburan Majlis Daerah Hulu Selangor

Pada 15 April 2010, telah berlangsung satu Majlis Perasmian Unit Pelaburan Majlis Daerah Hulu Selangor yang berlangsung di Kelab Golf Bukit Beruntung. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor.



Majlis dimulakan dengan ucapan kata aluan dari Yang Dipertua Majlis Tuan Tukiman Nail yang mengalukan kehadiran hadirin sekalian serta menyentuh isu pelaburan semasa dalam daerah Hulu Selangor. Majlis diteruskan pula dengan ucapan dari Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim yang menyentuh masa depan dan pembangunan Daerah Hulu Selangor dan prospek pelaburan yang wujud. Seterusnya, majlis ini diteruskan lagi dengan taklimat pelaburan yang disampaikan oleh Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali yang merupakan Ketua Eksukutif SSIC. Beliau menyentuh mengenai Selangor serta industry automobil lagi dengan sesi soal jawab diantara daerah Hulu Selangor yang wujud. Akhir sekali, majlis malam.



Klinik Bolasepak Bersama Liga Super Selangor

Pada 18 April 2010, satu Klinik Bolasepak Bersama Liga Super telah diadakan di Padang Awam Batang Kali. Program yang disertai oleh 80 orang peserta ini turut mendapat kerjasama dari Persatuan Bolasepak Selangor, Majlis Sukan Negeri Selangor, UPEN Selangor, dan Penggerak Belia Tempatan Hulu Selangor. Melalui program ini peserta didedahkan dengan teknik-teknik bermain bolasepak. Peserta juga dapat mendengar dan berkongsi pengalaman dengan pemain-pemain Selangor serta diberi pendedahan lanjut mengenai bidang bolasepak ini.



Majlis Pemberian Dana Spirulina

Universiti Industri Selangor. Replika cek disampaikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor kepada Profesor Dr. Lokman Shamsudin iaitu wakil dari Universiti Industri Selangor. Acara dimulakan dengan bacaan doa oleh Ketua Kampung Ulu Rening, Hulu Selangor dan diikuti pula kata-kata aluan oleh Y.B. Pn. Rodziah Ismail Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, Kebajikan, Sains, Teknologi & Inovasi dan Kebudayaan Negeri Selangor dan disusuli pula kata-kata aluan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor. Setelah itu, para hadirin mendengar taklimat Spirulina oleh Profesor Dr. Lokman Shamsudin. Beliau menyatakan bahawa industry spirulina kini mendapat permintaan yang sangat tinggi dari pasaran dunia masakini bagi tujuan perubatan. Penawaran produk ini pula adalah rendah dan atas dasar ini, kerajaan mengambil inisiatif yang cukup bijak bagi menjana pendapatan kepada penduduk setempat hasil daripada pembesaran tapak semaiannya di Ulu Rening amnya dan Hulu Selangor khasnya.



Majlis pelancaran kempen menanam 26 juta pokok peringkat negeri selangor

Pada 22 April 2010, Bertempat di Bandar Utama Batang Kali, YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim telah melancarkan Program Kempen Menanam 26 Juta Pokok Peringkat Negeri Selangor. Program Anjuran Kerajaan Negeri ini dilihat sebagai permulaan bagi menyemarakkan kempen tanam pokok diseluruh PBT Negeri Selangor. Program ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan YDP-YDP PBT Selangor dan ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan serta penduduk setempat. Majlis Pelancaran Kempen Menanam 26 Juta Pokok yang diadakan serentak di seluruh negeri pada 22 April bersempena dengan sambutan Hari Bumi Sedunia. Signifikan tarikh ini adalah sebagai simbolik untuk memberi kesedaran kepada rakyat supaya mencintai dan mengembalikan kehijauan kepada bumi. Tema bagi kempen ini ialah '**Greening The Earth : One Malaysian One Tree**'.



Majlis pecah tanah tapak balairaya fasa 4 bandar utama batang kali



Kursus Asas Cantasan Pokok

Kursus Pencantasan Pokok yang telah dianjurkan Majlis Daerah Hulu Selangor melalui Jabatan Landskap pada 27-28 April 2010 telah dihadiri seramai 35 peserta yang terdiri daripada kontraktor yang menjalankan kerja di MDHS dan kakitangan MDHS. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan peserta dengan teknik-teknik pencantasan pokok serta meningkatkan pengetahuan pencantasan pokok dalam menjalankan tugas sehari-hari.



Hari Pengundian AJK Kelab dan Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan MDHS



Pada 30 April 2010, Kelab Sukan Dan kebajikan MDHS telah mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan kali ke-24. Pada hari yang sama juga telah diadakan pemilihan baru bagi jawatankuasa kelab. Pemilihan dilakukan secara undian yang mana calon yang menerima undian terbanyak akan dipilih mengetuai dan menganggotai jawatankuasa kelab bagi memastikan halatuju dan peranan KDSK terus dapat dilaksanakan. Mesyuarat Agong ini dirasmikan oleh Supt. Norel Azmi Yahya Affendi, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor.



Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Negeri Selangor

Majlis Daerah Hulu Selangor telah dipilih sebagai tuan rumah bagi mengadakan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Negeri Selangor yang diadakan pada 29 April 2010. Mesyuarat ini diadakan bagi membincang dan menyelaras bentuk tindakan penguatkuasaan yang dilakukan supaya ianya seragam dalam menguatkuasakan undang-undang yang digunakan di semua PBT Negeri Selangor. Mesyuarat kali kedua itu dihadiri oleh lebih kurang 23 orang pegawai-pegawai penguatkuasa PBT dan wakil dari pihak UPEN, Negeri Selangor.



Majlis Perasmian "Ops Loco"

Pada 7 Mei 2010, Tourism Malaysia dengan kerjasama Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengadakan majlis perasmian "Ops Loco" yang telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Mirza Mohammad Taiyab, Ketua Pengarah Pelancongan. Penganjuran program ini di Kuala Kubu Bharu secara tidak langsung dapat mempromosikan Kuala Kubu Bharu amnya sebagai destinasi bersejarah dan Daerah Hulu Selangor khasnya sebagai lokasi pelancongan pilihan kepada pelancong dalam dan luar Negara.



Pertandingan Futsal Piala YDP

Pertandingan ini dengan kerjasama pihak Miel Futsal, Batangkali. Pertandingan ini bermula jam 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang. Pertandingan ini berjaya mengutip penyertaan sebanyak 36 pasukan. Yuran penyertaan setiap pasukan berjumlah RM140. Johan dimenangi oleh Belino FC yang membawa pulang piala pusingan, wang tunai RM1,200 beserta medal. Naib johan dimenangi oleh Adi Nova FC yang berjaya membawa pulang wang tunai RM 600 beserta medal, manakala tempat ketiga dimenangi oleh IKBN Pertak yang berhasil jaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM300 beserta medal. Manakala peserta tempat keempat hingga kelapan membawa pulang sebuah hamper.



Program Pelaksanaan Zon Bersih PBT

Pada 8 Mei 2010, bersempena dengan pelaksanaan zon bersih di Pihak Berkuasa Tempatan bagi Majlis Daerah Hulu Selangor, satu majlis pelaksanaan program-program zon bersih telah diadakan di tapak zon bersih iaitu Bandar Baru Batang Kali. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Program Pengindahan Lanskap bersama PeBT
- b) Kempen Tanam Pokok
- c) Kempen Kesihatan
- d) Kempen Kitar Semula
- e) Hari Bertemu Pelanggan
- f) Program Gotong-royong bersama Penduduk Setempat

Dianggarkan seramai 1000 orang telah hadir ke majlis ini terdiri daripada ahli-ahli Majlis MDHS, JKKK, pelajar-pelajar sekolah dan taska kawasan Batang Kali, dan masyarakat awam. Program-program yang dilaksanakan seperti Program Pengindahan Lanskap, Program Gotong-royong, kempen-kempen dan Hari Bertemu Pelanggan adalah sejajar dengan objektif dalam pelaksanaan Zon Bersih di PBT Negeri Selangor untuk melibatkan penyertaan komuniti disamping dapat memenuhi kriteria-kriteria dalam pemarkahan Zon Bersih yang telah diputuskan untuk dipertandingkan antara PBT di Negeri Selangor.



Lawatan Rasmi Ahli Majlis Ke Pulau Pinang

TARIKH : 23 MEI 2010 (AHAD) HINGGA 25 MEI 2010 (SELASA)

Satu program lawatan rasmi ke Pulau Pinang telah diadakan pada 23 Mei 2010 (Ahad) hingga 25 Mei 2010 (Isnin). Seramai 41 orang pegawai dan Ahli Majlis Majlis Daerah Hulu Selangor terlibat bagi program tersebut. Setibanya di Pulau Pinang, para peserta telah dibawa menginap di The City Bayview Hotel, Georgetown, Pulau Pinang. Mesyuarat Bulanan Ahli Majlis turut diadakan sejurus makan malam di hotel.

Pada 24 Mei 2010 (Isnin), para pegawai dibawa ke Dewan Bandaraya di Jalan Padang Kota Lama Pulau Pinang bagi sesi taklimat yang telah dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Sesi taklimat dan perbincangan merangkumi pemuliharaan Bandar warisan, aktiviti kawalan perniagaan, aktiviti peningkatan hasil, kawalan trafik lalu-lintas, serta pengurusan bangunan bertenagak. Pegawai turut dibawa melawat ke Pejabat Warisan Dunia dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Sepanjang berada di Pulau Pinang, para berkesempatan membeli-belah di Chowrosta dan Batu Ferringhi serta menjamu selera di Gurney Drive.

Pada keesokannya, para peserta bertolak pulang ke Kuala Kubu Bharu dengan menaiki bas Kiffah Travel and Agency.



Perhimpunan Pagi Bulanan Dan Sambutan Hari Lahir



Laporan Operasi Penguatkuasa



| Tarikh | Masa | Lokasi | Nama Operasi | Huraian |
|---------------|-----------------|--|---|--|
| 24/2/2010 | 5.15pm-9.45pm | Batang Kali | Gerakan Operasi Zon 1(b) bersama Jabatan Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan di Restoran Cindai Btg Kali – (Diarahkan Tutup Oleh Pihak Kesihatan) Pemeriksaan di Restoran Arbak Btg Kali – (Diarahkan Tutup) Pemeriksaan di tempat letak kereta Perhentian Bas Btg Kali – (Keluar Kompaun kepada penjaja jagung) – PP Thamarai Kannan Pemeriksaan di Restoran Abdul Latif, Btg Kali. (Diarahkan tutup) |
| 4/3/2010 | 8.30pm-11.15pm | Kuala Kubu Bharu Dan Rasa | Operasi Pemeriksaan Pusat Snooker Dan Pusat Siber Bersama-sama Dengan Jabatan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) | <ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan di Pusat Siber Protech, KKB – Pemilik Premis mempunyai lessan dan seramai 5 orang pelanggan telah diarahkan oleh pihak AADK untuk menjalani ujian air kencing. Pemeriksaan di Pusat Snooker Kg Baru, Kuala Kubu Bharu. Pemilik Premis mempunyai lessan dan seramai 4 orang pelanggan telah diarahkan oleh pihak AADK untuk menjalani ujian air kencing. Pemeriksaan di Pusat Snooker Lim Yoke Lai, Rasa. Pemilik Premis mempunyai lessan dan seramai 12 orang pelanggan telah diarahkan oleh pihak AADK untuk menjalani ujian air kencing. |
| 5/3/2010 | 4.15pm-4.33pm | Bahu Jalan, Jalan dato' Muda Jaafar, KKB. | Operasi Mengalihkan Halangan (Kereta Buruk) Yang Diletakkan Di Tempat Awam. | <ul style="list-style-type: none"> Cermyn tingkap belakang kereta buruk (WBM 6770, jenis Mazda) terpaksa dipecahkan oleh anggota penguatkuasa PP(Azharil) bagi membolehkan ianya di tunda ke stor MDHS. Ini kerana ke semua pintu kenderaan tersebut tidak boleh dibuka, memandangkan ianya telah rosak. |
| 8/3/2010 | 8.00pm-11.20pm | Di Hadapan SIRIM Rasa, Tmn Widuri dan Kesumba Beruntung dan perumahan Lot Banglo Jalan Ros, Bukit Beruntung. | Operasi Menangkap Lembu Yang Berkeliaran Tanpa Kawalan Di Kawasan Yang Diwartakan MDHS. | <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan SIRIM, Rasa, didapati ada 2 ekor lembu berada di tepi jalan berkenaan. Lembu-lembu tersebut telah di sumpit oleh Jabatan Veterinar, namun tidak berjaya di tangkap kerana mlarikan diri ke dalam semak yang berhampiran. |
| 1/4/2010 | 9.30am-12.50pm | Lot PT 2503, Kg. Benggali Tinn, Kalumpang dan No. 1, Lot 450, Kg. Jelutong, Ulu Bernam. | Operasi Bersepadu Pemeriksaan Premis-Premis Barang Lusoh Yang Beroperasi Di Kawasan Pentadbiran MDHS. | <ul style="list-style-type: none"> Lokasi pertama, premis ini mempunyai lessan MDHS dan dari pemerhatian dan pemeriksaan anggota-anggota operasi, terdapat beberapa barang, yang disyaki barang curi (seperti tiang lampu dan kabel telefon). Namun ianya tidak dapat disahkan kerana tiada tanda atau cop ianya dimiliki oleh mana-mana wakil jabatan yang hadir. Lokasi kedua, Premis ini tidak beroperasi semasa ketibaan anggota-anggota operasi. Pihak PDRM telah memecahkan mangga premis berkenaan bagi membolehkan pemeriksaan dan didapati 5 gulung kabel TELEKOM di dalam premis dan disahkan oleh wakil jabatan tersebut. Selang beberapa minit kemudian seorang lelaki india muncul di premis tersebut dan mendakwa dirinya adalah pekerja premis berkenaan. Kompaun telah diserahkan oleh PP (Mohd Faris) kerana menjalankan perniagaan tanpa lessan MDHS. Di samping itu seorang lelaki india ditahan oleh anggota PDRM untuk membantu siasatan. |
| 15/4/2010 | 10.00am-12.00pm | Sekolah Rendah Agama Serendah | Gerakan Operasi Zon 1(b) | <ul style="list-style-type: none"> Semasa rondaan di hadapan SEK REN AGAMA SERENDAH di dapai seorang warga Pakistan sedang menjaja aiskrim di hadapan Sekolah tersebut. Tindakan siti telah dikenakan kepada penjaja tersebut. Barang sitaan 1 tong aiskrim dan 2 tong biskut. Laporan polis telah dibuat di Balai Polis Serendah. |
| 28/4/2010 | 9.50am-11.05am | Perumahan Jalan Widuri, Bukit Beruntung. | Gerakan Operasi Menangkap Lembu Berkeliaran Di Kawasan Tersebut bersama Jabatan Veterinar. | <ul style="list-style-type: none"> Seekor lembu telah ditangkap kerana tuan pemilik membiarkan dan melepaskan lembu berkeliaran di dalam kawasan perumahan tanpa kebenaran bertulis daripada PBT dan pegawai haiwan. Lembu tersebut telah di bawa ke tempat penyimpanan lembu MDHS atas risiko pemilik lembu. |
| 10/3/2010 | 3.35pm-4.10pm | Perumahan Jalan Widuri 3, Bukit Beruntung. | Operasi Menangkap lembu yang berkeliaran tanpa kawalan penjaganya di kawasan taman perumahan | <ul style="list-style-type: none"> Seekor lembu telah Berjaya ditangkap dan dibawa ke tempat penyimpanan lembu MDHS atas risiko pemilik lembu |
| 25/2/2010 | 9.00am-11.45am | Premis barang lusoh di sekitar kawasan Bukit Beruntung | Operasi bersepadu premis barang lusoh bersama lain-lain. | <ul style="list-style-type: none"> Lokasi pertama- jalan jejarum 4B, Bkt Beruntung. Pemilik mempunyai lessan tred MDHS. Kompaun dikeluarkan oleh PP Noorazian Anuar, Notis Am dikeluarkan oleh PP Syukri Bin Lan dan gambar diambil oleh PP Syamsury Ibrahim. Pihak Polis menahan seorang warga asing. Pegawai Telekom dan Pegawai Indah Water telah mengenali pasti cable dan penutup tangki majis adalah kepunyaan pihak yang berkenaan dan barang-barang ini telah dibawa ke Balai Polis untuk dijadikan barang kes yang dibeli oleh tuan pemilik. Kementerian Kesihatan H/Sel telah mengeluarkan Kompaun. Lokasi kedua, Jalan Jejarum 1F, Bukit Beruntung. Kompaun dikeluarkan oleh PP Noorazian Anuar, Notis Am dikeluarkan oleh PP Syukri Bin Lan dan gambar diambil oleh PP Syamsury Ibrahim. Pihak Polis telah menahan 6 orang warga asing dan dibawa ke Balai Polis Bkt Sentosa. Kementerian Kesihatan H/Sel telah mengeluarkan Notis Amaran. Lokasi ketiga, Jalan Jejarum 1G, Bkt Beruntung. Kompaun dan Notis Am dikeluarkan oleh PP Syukri Bin Lan dan gambar diambil oleh PP Syamsury Ibrahim. Kementerian Kesihatan H/Sel telah mengeluarkan Notis Amaran. Tiada Tindakan dari agensi yang lain kerana premis telah mengikut peraturan. |
| 6/4/2010 | 8.00pm-10.20pm | Gerai PLB di Jalan Escot, Kg Pinang, Hulu Bernam | Operasi bersepadu pemeriksaan premis gerai PLB (yang di dakwa menjadi tempat aktiviti judi dan tarian poco-poco) bersama JAIS dan Bahagian Pelesehan MDHS | <ul style="list-style-type: none"> Lokasi pertama- Kg. Sejantung, kalumpang. Siasat aduan penjaja sayur yg. Dilaporkan oleh ahli Majlis Kwsn Kalumpang – Tiada penjaja sayur di lokasi, namun didapati terdapat 2 org penjaja dr Negeri Perak yang menjaja tanpa lessan. Dikenakan kompaun oleh anggota-anggota penguatkuasa. Lokasi kedua, Gerai PLB no. 6 – didapati pemain-pemain judi telah mlarikan diri sebaik sahaja anggota-anggota serbuan tiba di lokasi. Penyewa tidak memiliki lessan tred MDHS dan turut menyediakan satu ruangan untuk aktiviti poco-poco. Beliau dikenakan kompaun dan diberikan amaran supaya tidak menjalankan aktiviti poco-poco di lokasi tersebut. Pemeriksaan lessan di gerai-gerai PLB yang bersebelahan dengan lokasi serbuan. 1 kompaun dikeluarkan kpd gerai PLB no. 5. Pemeriksaan gerai tomyam bersebelahan dengan deretan kedai Kg. Jelutong, Ulu Bernam. Premis mempunyai lessan MDHS. |
| 12/5/2010 | 10.00am-10.50am | Perumahan Jalan Inai Bukit Beruntung | Gerakan Operasi Kenderaan Penyitaan | <ul style="list-style-type: none"> Membuat Ops menyita kereta buruk dan menarik kereta yang di letakkan di tempat awam di m kawasan yang menjadi satu halangan. Kereta yang di sita telah di bawa ke stor penyimpanan MDHS dan segala kehilangan dan kerosakan kompenen kereta adalah atas risiko pemunya atau pemilik kereta. |